

Sanggup guna gaji sendiri

Dua guru berhabis duit ceriakan kelas demi tarik minat murid hadir ke sekolah

KUALA LANGAT
- Demi memastikan anak murid berasa seronok dan minat hadir ke sekolah, insan bergelar guru ini sanggup mengorbankan sebahagian wang gajinya untuk menceriakan kelas.

Bahkan, dua guru Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Kelambu, Kuala Langat itu, dilihat berani mencuba nasib dalam menjadikan Kelas 2 Maju di sekolah berkenaan sebagai tarikan semua kakitangan dan murid SK Sungai Kelambu malah pelawat juga ditahankan turut meluangkan masa untuk singgah.

Gandingan kreatif Guru Kelas 2 Maju, Norazah Markeh, 47, bersama Guru Damping, Asmahani Mad Lias, 35, menjangkakan kelainan dalam melahirkan suasana persekitaran kelas yang moden dan bercirikan sistem pendidikan era milenium yang jarang sekali wujud di sekolah luar bandar.

Kreativiti itu juga membuktikan sekolah luar bandar juga mampu bersaing dengan sekolah bandar dalam usaha menceriakan murid dengan pelbagai aspek barituan pengajaran moden dan sudut rujukan yang berguna kepada pelajarinya.

Norazah yang sempat berkongsi pengalamannya mencetuskan idea untuk meletakkan pelbagai rujukan di setiap sudut kelas memberi tarikan apabila 20 muridnya aktif di samping menerangkan aspek kebersihan pada setiap masa.

Menurutnya, lebih menarik sebuah 'Kiddy Shop' turut diletakkan di dalam kelas berkenaan di mana dijadikan tempat warga sekolah untuk membeli pelbagai barangan termasuk pakaian, makanan dan keperluan lain yang turut membantu menampung

wang tabung kelas. "Selain itu, ruang solat, ruang menyaksikan tayangan video atau beberapa sudut informasi yang menarik turut menjadi tumpuan murid kami.

"Alhamdulillah murid-murid kami semua berdisiplin dan ada di antara mereka juga dilihat lebih versatile' beri idea kepada guru," katanya.

10 kali menang johan pertandingan kebersihan

Bagi Asmahani pula, sudah semestinya dia hendak menonjolkan nama sekolah ke peringkat tertinggi. Justeru, idea itu sebagai platform untuk melihat keberkesanan murid dalam mempelajari ilmu pada setiap hari dengan suasana yang santai tetapi menarik.

Dia yang turut mengajar subjek Bahasa Inggeris itu berkata, sehingga bulan ini kelasnya sudah memenangi 10 kali johan Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Kelas Tahap 1.

Katanya, dia bersyukur kelasnya belum lagi kalah dan murid juga gembira apabila setiap bulan mereka menerima sijil penghargaan daripada pihak sekolah.

"Jadi bila kelas kami ini dinobatkan Top 5 dalam Kategori Kelas Paling Ceria kami sangat gembira. Murid kami pun sehingga penilaian dibuat tak sabar menunggu kedatangan pihak GPS untuk melihat kelas kami sendiri. Harapan kami nak menjadi johan, biar satu Malaysia tahu sekolah hujung kampung ni boleh menang dan kami boleh bersaing hingga ke peringkat hari ini," katanya.

Mahu kelas menang

Rata-rata murid Kelas 2 Maju



Norazah memberi tunjuk ajar kepada anak muridnya.

yang ditemui meluahkan rasa gembira apabila pihak sekolah memaklumkan kelas mereka terpilih untuk dinilai oleh pihak GPS.

Ketua Kelas, Aafa Ahmad Faiz, setiap hari dia akan pulang ke rumah dan bercerita kepada ibu bapanya mengenai kemenangan yang diperolehi.

"Ye lah, hari-hari kami jaga kelas kami supaya ceria dan bersih. Lepas tu, kawan-kawan pun semua ikut peraturan dan sayangkan kelas macam rumah sendiri," katanya.

Rakannya, Mia Qaisara Zahrud, dia seronok datang ke sekolah setiap hari kerana persekitaran kelasnya yang sangat cantik.

Katanya, dia mengukir kelasnya ceria dan lain dari yang lain.

Sekolah kampung juga boleh terkenal

Guru Besar SK Sungai Kelambu, Rozanah Abd Razak berkata, beliau percaya sekolah di kawasan kampung juga boleh terkenal dengan kreativiti yang di-

tonjolkan seumpama ini.

Katanya, beliau memahami situasi guru-guru yang mahukan persekitaran tempat mengajar yang mesra pelajar di samping suasana tenang.

"Jadi inisiatif guru saya ni sebenarnya membolehkan sekolah ini popular jika mendapat johan dalam kategori ini sebab mereka telah bertungkus-lurus dalam menceriakan kelas. Apa yang penting guru dan murid se-

benarnya antara faktor yang membolehkan kelas sentiasa ceria di samping pelbagai teknik pembelajaran yang versatile direka guru," katanya yang yakin mendapat tempat di hati juri nanti.



Gandingan mantap guru kelas, Norazah (kanan) dan Asmahani bakal memberi kelebihan kepada sekolah luar bandar ini mendapat tempat lima terbaik Kategori Kelas Paling Ceria.



Pelbagai informasi diletakkan di sudut belakang kelas bagi menarik minat pelajar.



Suasana kelas yang ceria memberi semangat kepada murid untuk belajar.